

21/11/1999

Dr M minta petugas BN tidak timbulkan masalah

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta petugas jentera Barisan Nasional (BN) supaya tidak menimbulkan masalah sepanjang kempen kerana kecewa apabila pemimpin tertentu tidak dicalonkan dalam pilihan raya ini.

Perdana Menteri berkata, tugas memilih calon bukanlah mudah dan pastinya ada Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undang Negeri (Adun) tidak dicalonkan semula bagi memberi peluang kepada calon lain untuk melaksanakan tugas memajukan negara.

Menurut Dr Mahathir, pilihan raya bukan bertujuan untuk mengangkat seseorang calon menjadi Ahli Parlimen atau Adun tetapi untuk membentuk kerajaan yang kukuh serta mampu memajukan negara untuk generasi kini dan masa depan.

"Saya mengetuai pilihan raya ke-10 ini walaupun tidak begitu seronok ketuaai pilihan raya. Kita terpaksa gugurkan setengah dan terpaksa pilih yang baru.

"Kalau tidak berikan tempat kepada orang baru, dia marah. Gugur orang pun kena marah. Ada juga yang saya gugurkan kerana tidak ada peranan penting bagi dirinya lagi.

"Contohnya ada lima orang nak satu tempat. Kita pilih yang satu, yang empat menangis. Bukan niat saya untuk gugurkan seseorang. Kita terpaksa buat. Perlu ada orang lama campur orang baru, barulah boleh jadi baik," katanya pada perjumpaan dengan petugas jentera pilihan raya Parlimen Kubang Pasu, di Dewan Jitra, di sini malam tadi.

(END)